

Jangan pandang rendah, OKU pun boleh genggam PhD

Raja Noraina Raja Rahim
rnoraina@hmetro.com.my



Graduan Doktor Perubatan Veterinar, Abdul Aziz Abd Rahman pada majlis konvokesyen UPM ke 45 yang diadakan Universiti Putra Malaysia. FOTO ROHANIS SHUKRI

Serdang: Sering dibuli dan dianggap pelik oleh rakan sekolah kerana mengalami masalah pendengaran tidak pernah mematahkan semangat Abdul Aziz Abdul Rahman untuk berjaya serta memperoleh Ijazah Doktor Falsafah (PhD) Veterinar.

Malah, Abdul Aziz, 25, yang juga orang kurang upaya (OKU) bangga apabila dapat menggenggam ijazah itu pada Istiadat Konvokesyen Ke-45 Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini, hari ini.

Katanya, dia sudah puas dicemuh selain disindir akibat masalah pendengaran dialami sejak dibangku sekolah namun ia dijadikan sebagai pembakar semangat untuknya terus berusaha.

"Sejak kecil, saya menjadikan haiwan peliharaan iaitu kucing sebagai rakan dan pendengar setia. Apabila sedih, saya akan bercerita dan meluahkan apa saja kepada kucing sebagai meredakan tekanan perasaan.

"Disebabkan itu, timbul rasa cintakan haiwan peliharaan sebelum bercita-cita mahu menjadi doktor haiwan apabila dewasa. Alhamdulillah, kini saya berjaya mencapai cita-cita itu," katanya ditemui selepas Istiadat Konvokesyen Ke-45 UPM di Dewan Besar Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj (PKKSSAAS) di sini.

Sementara itu, ditanya mengenai cabaran belajar semasa pandemik Covid-19, Abdul Aziz tidak menganggapnya sebagai cabaran sukar seperti penuntut lain sebaliknya ia memberi kelebihan kepadanya kerana dapat mengikuti kuliah secara dalam talian yang lebih mudah untuknya membaca pergerakan bibir pensyarah.

Abdul Aziz yang menggunakan alat bantuan pendengaran memberitahu, dia perlu duduk di barisan hadapan semasa dalam kuliah untuk melihat pergerakan bibir dan mendengar suara pensyarah dengan jelas.

"Belajar secara dalam talian lebih mudah kerana saya dapat lihat pensyarah dengan lebih jelas dan mendengar suara menggunakan 'headphone'. Saya bersyukur dapat menamatkan pengajian dengan baik walaupun berdepan pandemik," katanya.

Sementara itu, seorang lagi OKU, Hussain Said, 27, yang mengalami kecacatan kaki sejak berusia tiga tahun bersyukur dapat menamatkan pengajian biarpun terpaksa menggunakan kerusi roda untuk bergerak.

Graduan Ijazah Sarjana Bahasa Melayu dan Komunikasi itu puas hati dengan fasiliti di UPM yang amat menjaga kebajikan penuntut OKU.

"Kemudahan di sini amat mesra OKU, saya bersyukur kerana berjaya menamatkan pengajian. Saya berhasrat menyambung pengajian peringkat PhD di sini selepas ini" katanya.

Disiarkan pada: Mac 19, 2022 @ 2:42pm